



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 64

3hb Mac 2011

No. 5

---

AKTA EKSAIS 1976

(Akta 176)

**No. 257.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
(P.U. (A) 155/1977)

MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH TEMERLOH

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Temerloh bagi minuman yang memabukkan akan diadakan pada 29 Mac 2011 (Selasa) di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh jam 2.30 petang.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tempoh April hingga Jun 2011 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan hendaklah dihantar dalam 4 (empat) salinan kepada Pengerusi Lembaga Pelesenan Eksais Temerloh d/a Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh tidak lewat daripada 6 (enam) minggu sebelum mesyuarat diadakan.

3. Permohonan untuk lesen baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:

- (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat mana perniagaan akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
- (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Temerloh.

PEJABAT DAERAH DAN TANAH  
TEMERLOH

Bertarikh 7 Februari 2011  
[PDT.(Am): 06/00110/02 Sj. 111]

HAJARATUL FAZIHAN BINTI ABD LATIF  
Naib Pengerusi  
Lembaga Pelesenan Eksais Daerah  
Temerloh

**No. 258.**

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (LEMBAGA PELESENAN) 1977  
(P.U. (A) 155/1977)

## MESYUARAT LEMBAGA PELESENAN EKSAIS DAERAH ROMPIN

Notis adalah diberitahu bahawa Mesyuarat Lembaga Pelesenan Eksais Daerah Rompin bagi minuman yang memabukkan akan diadakan di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin pada 31 Mac 2011 (Khamis) jam 10.00 pagi.

2. Semua permohonan untuk lesen, pembaharuan lesen atau pindah milik lesen bagi tahun 2011 akan dipertimbangkan. Tiap-tiap permohonan mestilah dihantar dengan 6 (enam) salinan kepada Pengurus Lembaga Pelesenan Eksais Rompin di alamat Pejabat Daerah dan Tanah Rompin sekurang-kurangnya enam (6) minggu sebelum mesyuarat diadakan.
3. Permohonan untuk lesen baru, lesen sementara dan permohonan bagi premis yang baru hendaklah diiklankan atas perbelanjaan pemohon sendiri iaitu:
  - (a) dengan mempamerkan satu salinan permohonan itu di bangunan/tempat di mana perniagaan itu akan dijalankan dalam tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum mesyuarat itu diadakan; dan
  - (b) dengan mengiklankan permohonan itu di dalam dua jenis akhbar (Bahasa Malaysia dan Inggeris/Cina) dalam tempoh yang tersebut di dalam perenggan (a) di atas dan keratan iklan itu hendaklah dihantar ke Pejabat Daerah dan Tanah Rompin.

Bertarikh 9 Februari 2011

NOOR HIDAYAH BINTI AZMI  
*Penolong Pegawai Undang-Undang*  
*b.p. Pegawai Daerah*  
*Rompin*

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976  
(Akta 172)

**No. 259.**

## PEMBERITAHUAN PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA NEGERI KEPADA HARGA DATA GEOSPATIAL BAGI RANCANGAN TEMPATAN DAERAH

Bahawa Pihak Berkuasa Negeri Pahang telah memberi persetujuan pada 5 Januari 2011 kepada Harga Data Geospatial bagi Rancangan Tempatan Daerah:

2. Harga Data Geospatial bagi Rancangan Tempatan Daerah telah ditetapkan pada kadar RM57.00 bagi setiap *megabyte* (mb) dan dikuatkuasakan di Negeri Pahang mulai Februari 2011.

3. Harga data geospatial ini adalah terpakai kepada semua pemohon kecuali:

- (i) Pelajar institusi pendidikan tinggi (permohonan melalui Dekan); dan
- (ii) Pegawai agensi kerajaan (permohonan melalui Ketua Jabatan).

4. Penetapan harga data geospatial ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospatial Negara Bilangan 1 Tahun 2005, “Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospatial”.

[JPBD/Phg./C1/47/10800 Bhg. 2]

HAMDAN BIN HUSSIN  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Pahang*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

No. 260.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 125/2010 bertarikh 25-1-2010.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Sanggang. No. Lot—2212. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2561. Luas—1.1888 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Januari 2011  
[PTT. 4/260/3/2010]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Temerloh*

**No. 261.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 1700/2010 bertarikh 4-11-2010.

**JADUAL**

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Perak. No. Lot—2349. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2253. Luas—0.4679 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 13 Januari 2011  
[PTT. 4/260/38/2010]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 262.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 82/2011 bertarikh 14-1-2011.

**JADUAL**

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Kerdau. No. Lot—1368. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1250. Luas—0.908 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Januari 2011  
[PTT. 4/260/2/2011]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 263.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 81/2011 bertarikh 14-1-2011.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Kerdau. No. Lot—1369. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 852. Luas—0.8372 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Januari 2011  
[PTT. 4/260/1/2011]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 264.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 99/2011 bertarikh 18-1-2011.

JADUAL

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Bangau. No. Lot—2822. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1808. Luas—161 meter persegi. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Januari 2011  
[PTT. 4/260/5/2011]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 265.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer telah hilang sebagaimana Perserahan Permohonan No. 97/2011 bertarikh 18-1-2011.

**JADUAL**

Daerah—Temerloh. Bandar/Pekan/Mukim—Mentakab. No. P.T.—6227. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2119. Luas—0.455 hektar. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 27 Januari 2011  
[PTT. 4/260/4/2010]

MOHD ROMLAY BIN BAIE  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Temerloh*

**No. 266.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang Surat Akuan Perserahan 10/2011.

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim—Batu Talam. No. Lot—1058. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 947. Luas—1.252 hektar.

Bertarikh 25 Januari 2011  
[PT.Rb. 4/3/009/2011]

ROMLE BIN JAMRAN  
*Pengarah/Pentadbir Tanah*  
*Raub*

**No. 267.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang Surat Akuan Perserahan 13/2011.

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim—Sega. No. Lot—3199. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 621. Luas—2.352 hektar.

Bertarikh 28 Januari 2011  
[PT.Rb. 4/3/010/2011]

ANAS BIN MOHD YUSOF  
*Pengarah/Pentadbir Tanah  
Raub*

**No. 268.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang Surat Akuan Perserahan 9/2011.

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim—Gali. No. Lot—9570. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 4733. Luas—0.5399 hektar.

Bertarikh 28 Februari 2011  
[PT.Rb. 4/3/008/2011]

ANAS BIN MOHD YUSOF  
*Pengarah/Pentadbir Tanah  
Raub*

**No. 269.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengadakan hakmilik sambungan/untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 588/2010.

## JADUAL

Mukim—Kuala Lipis. No. Lot—967. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 6688.  
Luas—8.3466 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTG.Phg. 08/0006/2011-KH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 270.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengadakan hakmilik sambungan/untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 55/2011.

## JADUAL

Mukim—Mentakab. No. Lot—2957. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 4530.  
Luas—174.6 meter persegi.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTG.Phg. 08/0007/2011-KH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 271.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk mengadakan hakmilik sambungan/untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 51/2011.

**JADUAL**

Mukim—Triang. No. Lot—14022 dan 13995. Jenis dan No. Hakmilik—GRN 11879 dan 11868. Luas—5,977 dan 5,266 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTG.Phg. 08/0008/2011-KH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 272.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112101Y004 bertarikh 21-1-2011.

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot/P.T.—2054. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9272. Luas—2.1499 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2618]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Kuantan*

**No. 273.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112101Y004 bertarikh 21-1-2011.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot/P.T.—2055. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 9215. Luas—1.9602 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2618]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 274.**

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112101Y004 bertarikh 21-1-2011.

## JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. Lot/P.T.—16151. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2913. Luas—0.7993 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2618]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 275.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112701Q017 bertarikh 27-1-2011.

**JADUAL**

Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang. No. Lot/P.T.—2006. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1173. Luas—2.0307 hektar.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2619]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 276.**

(Seksyen 168)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)**

**PEMBETULAN**

Jadual kepada Pemberitahuan *Warta* No. 300 yang disiarkan pada 4 Mac 2010 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan” dengan perkataan “Bandar/Pekan/Mukim—Sungai Karang”.

[PTK. 4/3/2/2460]

**No. 277.**

(Seksyen 187B)

**NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan

dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) diakui hilang Surat Akuan Perserahan 8/2011.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Gali. No. P.T.—4695. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2005. Luas—0.172 hektar.

Bertarikh 28 Januari 2011  
[PT.Rb. 4/3/011/2011]

ANAS BIN MOHD YUSOF  
*Pengarah/Pentadbir Tanah*  
*Raub*

**No. 278.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 57/2011.

JADUAL

Mukim—Pelangai. No. P.T.—1112. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 890. Luas—2023.425 meter persegi.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTG.Phg. 08/0009/2011-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri*  
*Pahang*

**No. 279.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 56/2011.

## JADUAL

Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—91299. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 29537. Luas—382 meter persegi.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTG.Phg. 08/0008/2011-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 280.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran bersyarat bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer (DHKK) hilang. Surat Akuan Perserahan 60/2011.

## JADUAL

Mukim—Pedah. No. P.T.—1106. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(D) 850. Luas—501.66 meter persegi.

Bertarikh 1 Februari 2011  
[PTG.Phg. 08/0010/2011-SH]

*Pendaftar Hakmilik Negeri  
Pahang*

**No. 281.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112001G047 bertarikh 20-1-2011.

---

---

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Penor. No. P.T.—3141. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2245. Luas—231 meter persegi.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2616]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 282.**

(Seksyen 187B)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN SEMENTARA YANG BARU

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 187B Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan untuk menggantikan dokumen hakmilik keluaran sementara bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini kerana sebab yang berikut:

Dokumen hakmilik keluaran komputer diakui hilang sebagaimana Surat Akuan No. Resit: 20112101T030 bertarikh 21-1-2011.

JADUAL

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Kuantan. No. P.T.—68346. Perihal dan No. Hakmilik—H.S.(M) 52593. Luas—501.88 meter persegi.

Bertarikh 31 Januari 2011  
[PTK. 4/3/2/2617]

AHMAD KHAIRUL HISYAM BIN DATO' ABDUL BASIK  
*b.p. Pentadbir Tanah*  
*Kuantan*

**No. 283.**

(Seksyen 261)

SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Azuan bin Aniffa (I14509) yang beralamat di 17 RRK Kg. Geylang, 26600 Pekan dan/atau Lot 223, RPT KESEDAR Sg. Terah, Gua Musang, 18300 Kelantan, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Pekan pada hari Rabu 30 Mac 2011 jam 10.30 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Langgar. No. Lot—2777. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1348. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 824/1998. (Satu (1) Suratan Hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Januari 2011  
[PTP. 4L-0003/2011]

*Pentadbir Tanah  
Pekan*

#### No. 284.

(Seksyen 261)

#### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Tengku Asmawi bin Tuan Yahaya (KP. 720709-05-5099) dan Nor Asikin binti Mat Salleh (KP. 790706-03-5408) yang beralamat di 124 Taman Pelangkah, 26600 Pekan dan/atau Kampung Pek, 18500 Machang, penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah sebagaimana yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Pekan pada hari Rabu 30 Mac 2011 jam 11.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak patut dibuat.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Langgar. No. Lot—2808. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1454. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 177/2003. (Satu (1) Suratan Hakmilik sahaja).

Bertarikh 24 Januari 2011  
[PTP. 4L-0015/2010]

*Pentadbir Tanah  
Pekan*

**No. 285.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Leong Siew Kin dan Won Kam Fong yang beralamat di 27 Jalan Bukit Mentakab 6, 28400 Mentakab. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Rabu bersamaan 8 Jun 2011 jam 10.00 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Mentakab Daerah Temerloh. No. P.T.—7654. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 2006. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 619/2007. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Januari 2011  
[PTT. 4/3693/46/2010]

*Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 286.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Mohd Rosly bin Ab Rahman dan Muslamah binti Idris yang beralamat di 65 Jalan Bukit Kemuning, 28000 Temerloh. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadaian dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Rabu bersamaan 8 Jun 2011 jam 10.40 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

## WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG

3hb Mac 2011]

307

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. P.T.—7654. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(M) 5904. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 1073/84. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Januari 2011  
[PTT. 4/369/3/2011]

*Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 287.**

(Seksyen 261)

### SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Ab Razak bin Ibrahim dan Khatijah binti Mohamed yang beralamat di 79 Jalan TJ 9/3, Taman Temerloh Jaya, 28000 Temerloh. Penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah Temerloh, Pahang pada hari Rabu bersamaan 8 Jun 2011 jam 10.20 pagi.

Maka oleh yang demikian, menurut perenggan 261(1)(c) Kanun Tanah Negara, tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab mengapa perintah tersebut tidak perlu dibuat.

### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Perak Daerah Temerloh. No. Lot—10576. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 7230. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2403/2000. (Satu (1) Hakmilik sahaja).

Bertarikh 20 Januari 2011  
[PTT. 4/369/2/2011]

*Pentadbir Tanah  
Temerloh*

**No. 288.**

(Seksyen 257 dan 263)

### PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Izahar bin Noh, Pentadbir Tanah Pekan, pada menjalankan kuasa yang diperuntukkan oleh seksyen 257/263 Kanun Tanah Negara, dengan ini perintah supaya dijual tanah/bahagian tanah yang tak dipecahkan/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan di dalam Jadual di bawah:

Dan saya selanjutnya memerintahkan—

- (a) bahawa jualan itu, hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada 28 April 2011 jam 10.00 pagi di Perkarangan Pejabat Tanah Pekan, Pahang; dan
  - (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan ialah RM250,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus Lima Puluh Ribu sahaja) dan RM45,000.00 (Ringgit Malaysia: Empat Puluh Lima Ribu sahaja).
2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian pada tarikh ini ialah RM237,248.04 (25-8-2010). Nama Pemegang Gadaian: CIMB Bank Berhad, Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.
3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (a) penawar memiliki, jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas: RM25,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lima Ribu sahaja) dan RM4,500.00 (Ringgit Malaysia: Empat Ribu Lima Ratus sahaja);
  - (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
  - (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
    - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
